

Kabinet terima permohonan maaf ASLI

**Jemaah Menteri berpuas
hati dengan kenyataan
itu dan gembira perkara
tersebut tidak akan
dipanjangkan lagi**

**SYED
HAMID
ALBAR**
Menteri
Luar

Oleh **RAJA LUVENA SHARIFUDDIN**

KUALA LUMPUR 11 Okt. - Kabinet hari ini menerima permohonan maaf Institut Kajian Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) berhubung dakwaan laporannya bahawa bumi-putera menguasai 45 peratus ekonomi negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Jemaah Menteri berpuas hati dengan kenyataan itu dan gembira perkara tersebut tidak akan dipanjangkan lagi.

"Ya, kami membincangkan isu itu termasuk kenyataan yang dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi oleh Presiden-nya, Mirzan Mahathir dan kenyataan permohonan maaf yang dikeluarkan oleh media hari ini.

"Eloklah mereka menawarkan permohonan maaf kerana perkara ini tidak perlu dipanjangkan lagi," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas permohonan maaf ASLI hari ini berkenaan laporannya berhubung pemilikan ekuiti bumiputera negara.

Oleh kerana laporan itu memiliki andaian dan kiraan yang salah, ASLI bertindak menarik balik laporan itu kerana ketidaktepatannya.

Syed Hamid menambah, adalah lebih penting bagi semua pihak untuk tidak melanjutkan perhatian kepada isu-isu yang membangkitkan salah faham.

"Kita perlu pastikan perkara-perkara sebegini yang disebabkan maklumat yang tidak tepat dihentikan," ujarnya.